

07/10/2002

Gerakan terima deklarasi 10 perkara

KUALA LUMPUR, Ahad - Persidangan Perwakilan Nasional ke-31 Parti Gerakan yang berakhir di sini hari ini, menerima dan meluluskan sebulat suara Deklarasi 10 perkara termasuk mengisytiharkan bantahan keras terhadap fahaman pelampau perkauman dan agama serta menolak semua jenis chauvinisme.

Perwakilan turut melahirkan penghargaan kepada kepemimpinan dinamik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta mengisytiharkan sokongan padu kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang akan mengambilalih jawatan perdana menteri selepas Oktober tahun depan.

Dalam persidangan dua hari bertemakan 'Bersama Rakyat Mencapai Wawasan', perwakilan turut mengisytiharkan sokongan padu kepada usaha meningkatkan standard bahasa Inggeris di sekolah serta menekankan kepercayaan mereka bahawa dasar pendidikan di Malaysia tidak harus dijadikan isu politik dan isu perkauman.

Lebih 1,280 perwakilan yang hadir turut melahirkan sokongan kepada dasar ekonomi yang progresif, liberal dan pragmatik yang akan membawa kepada pembangunan ekonomi yang berkekalan.